



**CURATOR CHOICE**

**Azman Ismail, Figure#19, 2010, painted steel, 143.5x 56.6 x 48.3 cm**

**AZMAN ISMAIL** dilahirkan pada tahun 1973, Kelantan. Menerima pendidikan formal di peringkat Master of Art & Design (MFAD) di University Of Tasmania, Launceston, Tasmania Australia.

Di Australia, artis menghasilkan karya arca dengan teknik *lost wax casting*, kimpalan dan kekemasan menggunakan kaedah semburan cat industrial 2k. Ideanya tercetus daripada penelitian terhadapan elemen dan organik karakter. Selepas pulang, artis mendapat kesukaran menyediakan *Kiln* dan bahan mentah. Akhirnya beliau menukar kaedah dengan memotong dan mengimpal besi tempatan dan membuat kekemasan dengan cat industrial. Hasilnya seakan sama tetapi kepelbagaiannya saiz dan bentuk yang lembut dan kelenturan seperti elemem organik sedikit hilang. Walau bagaimanapun, ideanya masih dengan mengungkap formalistik dengan gabungan tema tentang kehidupan seperti pertumbuhan (growth) dan pergerakan (movement). Bagi **Figure#19**, artis menuarkan tenaga dalam pergerakan kepada bentuk fizikal yang mempresentasikan kepada bentuk luar tubuh manusia.

Arca ini dihasilkan dengan kaedah potongan dan kimpalan serta kekemasan menggunakan cat industrial berwana merah dengan tekstur lembut berwarna hitam dan hijau sebelum dilapis dengan 2k *clear coating*. Ia diperolehi pada tahun 2013 sebagai mengisi lomongan koleksi arca dalam Koleksi Seni Visual Negara, bagi mengisi pensejarahan arca moden di Malaysia. Kini, beliau merupakan pensyarah tetap di Universiti Teknologi Mara, Machang, Kelantan.